

# Kedudukan Tawassul Dalam Islam

NOZIRA SALLEH  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

## Abstrak

*Tawassul* merupakan salah satu kaedah berdoa kepada Allah SWT. Sejak kebelakangan ini, persoalan *tawassul* muncul kembali dalam kalangan masyarakat Islam kerana ia telah dikontroversikan oleh sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab bagi mengelirukan kefahaman umat Islam terhadap pegangan mereka. Lantaran itu, persoalan-persoalan *tawassul* sebagai salah satu elemen yang berkaitan dengan akidah, atau ia tergolong dalam isu kaedah berdoa, atau ia adalah sebahagian daripada bid'ah yang membawa kepada kesesatan, atau ia sebenarnya adalah sebahagian daripada sunnah Rasulullah SAW telah berlegar dalam masyarakat Islam sehingga mengelirukan mereka antara *tawassul* yang sah dan batil. Justeru itu, artikel ini adalah satu wadah yang baik buat umat Islam bagi meneliti kembali kedudukan *tawassul* dalam Islam agar kefahaman dan keyakinan mereka kepada konsep *tawassul* yang sebenar dapat dijernihkan dan diperkukuhkan dengan jitu sebagaimana yang dikehendaki oleh al-Qur'an dan Hadis, atau dengan kata lain, ia diharap dapat dijadikan panduan mudah untuk umat Islam membezakan antara *tawassul* yang sah dan batil.

Kata Kunci : *Tawassul*, masyarakat, al-Qur'an, al-Hadis, akidah

## PENDAHULUAN

Konsep *tawassul* pada hakikatnya mempunyai beberapa elemen perbincangan, di mana ia bukan sahaja terhad kepada kaedah berdoa antara seorang muslim kepada Allah. Pada lazimnya, konsep tersebut juga dapat dikaitkan dengan kehidupan seharian manusia kerana ia merupakan keperluan semulajadi yang difitrahkan oleh Allah kepada setiap manusia di dunia ini. Maka, konsep *tawassul* ini dipanggil *tabi'i* atau semulajadi atau *wasilah kauniyah* (الوسيلة الكونية). Contoh yang dapat dilihat pada konsep *tawassul* ini ialah air, di mana ia adalah *wasilah* untuk menghilangkan haus. Begitu juga dengan makanan, yang mana ia adalah *berwasilah* dengan perkara-perkara tersebut adalah fitrah yang berlaku dan terjadi

kepada setiap kehidupan manusia yang tidak dapat dielakkan. Maka, *bertawassul* dengan sesuatu yang telah difitrahkan pada kehidupan manusia, tidak pernah dipertikaikan oleh sesiapa pun di muka bumi ini.

Selain itu, terdapat juga kategori *tawassul* lain yang lebih menarik untuk diteliti oleh setiap umat Islam dan ia sentiasa diperdebatkan antara ulama, sarjana dan cendekiawan Islam iaitu *tawassul* dalam berdoa, yang mana ia adalah perkara-perkara yang dapat dijadikan sebagai sebab dan pendekatan antara seseorang Muslim dengan Allah SWT dalam doa supaya doa tersebut lebih mustajab dan dikabulkan oleh Allah SWT dengan mudah. Antara contoh yang dapat diberikan pada jenis *tawassul* ini ialah “Wahai Allah yang maha pengampun, ampunkanlah aku.” Di dalam doa ini, si pendoa menjadikan sifat Allah Yang Maha Pengampun, sebagai wasilah (jalan) agar Allah mengampunkan doanya.

Walaupun demikian, konsep *tawassul* dalam Islam mempunyai beberapa bentuk iaitu *tawassul* yang disepakati oleh para ulama Islam kerana ia mempunyai dalil-dalil yang jelas dan nyata, *tawassul* yang disepakati haram dilakukan oleh setiap umat Islam kerana ia akan membawa kepada kesyirikan dan *tawassul* yang diperselisihkan oleh para ulama Islam, sama ada ia boleh dilakukan atau tidak boleh dilakukan.

### **DEFINISI TAWASSUL**

*Tawassul* adalah perkataan Arab yang terdapat banyak dalam Qur’an, hadis, syair Arab dan sebagainya lagi. Al-Qaradhawi (2006) menjelaskan bahawa *tawassul* dari segi bahasa ialah, mengambil *wasilah* (perantaraan) bagi mencapai sesuatu yang diinginkan. Selain itu, *tawassul* juga didefinisikan sebagai mendekati diri kepada yang dipinta permohonan dan ia juga dikenali sebagai *wasitah* atau perantaraan (Al-Bani 1977). Menurut Ibn Faris (1979), *tawassul* atau *wasilah* adalah keinginan dan permintaan.

Manakala secara terminologi pula, *tawassul* adalah satu usaha untuk mendekati diri kepada Allah SWT dengan menggunakan *wasilah* ataupun dengan kata lain, *tawassul* ialah memohon pertolongan atau memohon diterima doa dengan bergantung kepada seseorang yang mempunyai kedudukan tinggi di sisi Allah. Secara umumnya, *tawassul* boleh juga diertikan sebagai perantaraan untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT dan mendapat pahala dengan mengambil jalan perantaraan dan sebab yang membawa kepadaNya.

Di samping itu, maksud *tawassul* juga dapat dilihat menerusi dua ayat Qur'an menggambarkan secara jelas tentang pensyariatannya. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah dan carilah jalan yang boleh menyampaikan kepadaNya (dengan mematuhi perintahNya dan meninggalkan laranganNya); dan berjuanglah pada jalan Allah (untuk menegakkan Islam) supaya kamu beroleh kejayaan” (Al-Mā'idah: 35).

Kalimah *wasilah* pada ayat Qur'an tersebut bermaksud mendekatkan diri dengan segala amal yang berupa ketaatan dan meninggalkan segala maksiat (Makhluf 1995). Ibn Kathir (1993) dan Ibn Abbas r.a. memberi makna *wasilah* pada ayat di atas sebagai *al-qurbah* iaitu pendekatan (mendekatkan diri kepada Allah). Secara mudahnya dapat dikatakan bahawa para ahli tafsir menafsirkan perkataan *wasilah* pada ayat Qur'an di atas sebagai jalan untuk mendekatkan diri kepada Allah dengan melakukan perintahNya dan menjauhi laranganNya. Manakala al-Asfahani (2010) pula menyatakan bahawa perkataan *wasilah* tersebut bermaksud meraihan jalan Allah dengan ilmu, ibadat dan mencari atau menyelidiki kemuliaan syariat. Ini bermakna, ayat Qur'an tersebut jelas menyatakan bahawa *bertawassul* melalui pelaksanaan amal soleh adalah jalan yang baik untuk *bertawassul* kepadaNya, dan ia adalah perkara yang dituntut oleh Allah s.w.t.

Kemudian, maksud *tawassul* dapat juga dilihat dengan nyata pada ayat Qur'an yang kedua, sebagaimana maksudnya:

“Katakanlah, serulah mereka yang kamu anggap (Tuhan) selain Allah maka mereka tidak akan mempunyai kekuasaan untuk menghilangkan bahaya daripadamu dan tidak pula mampu menghindarkannya. Orang-orang yang kamu seru mereka itu sendiri mencari jalan kepada Tuhan mereka yang lebih dekat (kepada Allah), mengharapkan rahmatNya dan takut akan azabNya, sesungguhnya azab Tuhanmu adalah yang patut ditakuti.” (Al-Isra':56-57).

Diriwayatkan daripada Abdullah bin Masud r.a. mengenai ayat tersebut (Orang-orang yang kamu seru mereka itu sendiri mencari jalan kepada Tuhan mereka yang lebih dekat (kepada Allah):

“Itulah mereka yang mendakwa bahawa mereka mencari jalan penghubung kepada Tuhannya. Siapakah dikalangan mereka yang paling dekat dengan Tuhan mereka dengan katanya: Ada sekelompok jin yang telah masuk Islam, dan sebelum ini mereka disembah oleh manusia, maka orang-orang yang menyembah itu tetap sahaja menyembah mereka iaitu jin walaupun jin tersebut telah memeluk Islam” (Hadis Riwayat Bukhari).

Kemudian berkata Ibn Hajar :

“Manusia yang menyembah (dengan cara *bertawassul/wasilah*) kepada jin terus menyembah jin-jin tersebut. Jin-jin tidak reda dengan perbuatan manusia tersebut kerana mereka telah memeluk Islam. Adapun manusia meneruskan penyembahannya terhadap jin kerana inginkan *wasilah* (mendekatkan diri kepada Allah).” (Ibn Hajar 1986).

Kefahaman daripada ayat Qur’an tersebut telah menjelaskan bahawa *tawassul* atau *wasilah* dengan jin atau apa sahaja benda sehingga menyembahnya, adalah perbuatan syirik dan dimurkai oleh Allah. Dalam Islam, *tawassul* sedemikian adalah haram. Manakala *tawassul* dengan mendekati diri kepada Allah melalui jalan mentaatinya, beribadah kepadanya, mengikuti RasulNya dan dengan apa sahaja amalan atau cara yang disukai oleh Allah adalah dibenarkan.

## **KEDUDUKAN TAWASSUL DALAM ISLAM**

Para ulama Ahlus Sunnah wal Jamaah telah membahagikan *tawassul* ini kepada dua jenis utama. Pertama, *tawassul* yang selari dengan syarak iaitu *tawassul* yang mempunyai dalil-dalil daripada Qur’an atau Sunnah yang jelas dan sahih. Kedua, *tawassul* yang tidak dibenarkan iaitu *bertawassul* kepada Allah SWT dengan sesuatu yang tidak ditetapkan sebagai *wasilah* oleh syarak. Selain itu, terdapat juga jenis *tawassul* yang banyak diperselisihkan oleh para ulama Islam dalam menilainya sebagai suatu amalan yang dapat dilakukan atau tidak dapat dilakukan.

### ***Tawassul* yang Disepakati oleh Ulama-ulama Islam**

*Tawassul* yang disepakati oleh ulama-ulama Islam bermakna *tawassul* dengan cara yang tidak menyalahi atau bertentangan dengan syarak dan mempunyai dalil-dalil yang jelas dan nyata daripada Qur’an atau Sunnah atau kedua-duanya sekali. Ia juga dikenali sebagai *wasilah al-syar’iyyah* (الوسيلة الشرعية). Pada lazimnya, *tawassul* ini hanya bertujuan untuk mencapai sesuatu maksud dengan cara yang tidak membawa syirik kepada Allah Taala. Maka, kaedah-kaedah *tawassul* tersebut ialah melalui keimanan kepada Allah dan Rasul serta taat padaNya, menggunakan nama-nama atau sifat-sifat Allah Yang Maha Sempurna dan Agung, amal-amal soleh dan memohon pertolongan kepada orang-orang soleh untuk mendoakannya.

Jenis *tawassul* pertama yang dibenarkan dalam Islam ialah melalui keimanan kepada Allah dan Rasulullah s.a.w. serta taat perintahNya.

Perkara ini adalah asas iman dan Islam bagi seseorang Muslim. Dalil kepada pensyariatannya ialah melalui ayat Qur'an dan Hadis sebagaimana berikut:

“Ya Tuhan kami, kami telah beriman kepada apa yang telah Engkau turunkan dan telah kami ikuti Rasul kerana itu masukkanlah kami ke dalam golongan orang-orang yang menjadi saksi (tentang keesaan Allah)” (Al-‘Imrān: 53).

“Wahai Tuhan kami, sesungguhnya kami beriman, maka ampunilah kami...” (Al- Imrān: 10).

“*Sayyidul istighfar* ialah bahawa seorang hamba mengucapkan: Ya Allah! Engkau adalah Tuhanku, tidak ada yang disembah selain Engkau. Engkau telah menjadikan aku dan aku adalah hambaMu. Aku tetap di atas perjanjian kepadaMu (untuk tidak mengabdikan diri selain kepadaMu) seboleh yang terdaya olehku. Aku berlindung kepadaMu daripada kejahatan yang aku buat sendiri. Aku mengakui segala kenikmatan yang Engkau telah berikan kepadaku dan aku mengakui dosa-dosaku...” (Hadis riwayat oleh Imam Ahmad, al-Bukhari, al-Tirmizi dan al-Nasa’i).

Ayat-ayat Qur'an dan Hadis tersebut menunjukkan dengan jelas tentang *tawassul* kepada Allah dengan menyatakan keimanan kepada Allah dan *mutaba'ah* (mengikuti) Sunnah Rasul.

Di samping itu, seseorang Muslim juga dibenarkan untuk *bertawassul* dengan amal-amal soleh yang dilakukan. Pada lazimnya, seseorang Muslim bertaubat dan memohon keampunan kepada Allah dengan meninggalkan maksiat dan menggantikannya dengan amal soleh adalah *wasilah* untuk diampunkan segala dosa dan dibalas dengan dimasukkan ke syurga sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

“Dan orang yang bertaubat dan mengerjakan amal soleh, maka sesungguhnya dia bertaubat kepada Allah dengan taubat yang sebenar-benarnya” (Al-Furqān:71)

Kemudian, terdapat juga Hadis-hadis Rasulullah SAW sebagai dalil pensyariatannya, sebagaimana berikut:

“Hadis Ibn Umar yang menceritakan kisah tiga orang lelaki yang terperangkap didalam gua yang tertutup dengan batu besar, menyebabkan mereka tidak dapat keluar, mereka berdoa dan menjadikan amalan soleh mereka sebagai *wasilah* agar Allah melepaskan mereka dari gua tersebut. Yang pertama berdoa dengan amalan solehnya iaitu berbuat baik kepada kedua ibu bapa, yang kedua pula berdoa dengan ketakutannya dari melakukan zina ketika sudah berada di tengah kedua peha wanita, dan yang ketiga pula *bertawassul* dengan sifat amanahnya. Maka, Allah

melepaskan mereka daripada terperangkap di dalam gua tersebut ( Hadis riwayat Bukhari & Muslim).

Semua dalil tersebut menyatakan dengan jelas bahawa seseorang Muslim itu dibenarkan untuk menggunakan amal-amal soleh yang dilakukan seperti sembahyang, puasa, bacaan Qur'an, zakat, sedekah, zikir dan lain-lain lagi sebagai *tawassul* dalam doanya kepada Allah agar permohonan dan permintaan yang diinginkan tersebut dapat dimakbul dan diterima oleh Allah dengan mudah dan cepat.

Kemudian, jenis *tawassul* seterusnya yang disepakati oleh para ulama Islam ialah melalui doa yang dipinta terus kepada Allah dengan sifat atau nama-namaNya (*Asmā' al-Husnā*) yang sempurna. *Tawassul* ini dikatakan sebagai *tawassul* yang paling mulia di sisi Allah SWT kerana seseorang Muslim itu menggunakan nama-nama atau sifat-sifat Allah sendiri sebagai *tawassul* dalam doanya. Perintah agar manusia bermohon menggunakan nama-nama atau sifat-sifatNya dapat dilihat pada ayat-ayat Qur'an berikut:

“Hanya milik Allah *Asmā' al-Husnā*, maka bermohonlah kepadaNya dengan menyebut *Asmā' al-Husnā*” (Al-A'raf:180)

“Bersabarlah, dan tidaklah sabar kamu melainkan dengan Allah.” (Al-Nahl: 127)

Di samping itu, terdapat juga beberapa hadis yang menunjukkan *bertawassul* serta meminta pertolongan dengan sifat dan nama-nama Allah dibolehkan kepada umat Islam. Hadis-hadis tersebut adalah sebagaimana berikut:

“Sesungguhnya apabila Baginda (Nabi SAW) bersedih kerana sesuatu perkara, maka Baginda mengucapkan: wahai Yang Maha Hidup, wahai Zat Yang Maha Berdiri sendiri dengan rahmatMu aku memohon pertolongan” (Hadis riwayat al-Tirmizi ).

“Aku hanya meminta kepada Allah Azza wa Jalla dengan namaNya yang agung” (Hadis riwayat Imam Ahmad).

“Saya memohon kepadaMu dengan setiap nama yang menjadi milikMu, yang Engkau sendiri menamakan diriMu dengannya, atau yang Engkau turunkan ilmuNya di dalam KitabMu, atau yang Engkau ajarkan kepada salah seorang daripada hambaMu, atau yang Engkau simpan dalam ilmu ghaib di sisiMu ...” (Hadis riwayat Imam Ahmad).

“Ya Allah, dengan ilmu ghaibMu dan takdirMu terhadap makhluk, hiduskanlah aku selagi Engkau tahu bahawa hidup itu lebih baik bagiku dan matikanlah aku selagi Engkau tahu bahawa mati itu lebih baik bagiku” (Hadis riwayat Imam al-Nasa'i).

Justeru itu, setiap umat Islam digalakkan untuk berdoa dan memohon terus kepada Allah s.w.t dengan nama-nama dan sifat-sifatNya Yang Maha Sempurna dan Agung. Di samping itu, umat Islam juga disarankan untuk menggunakan nama-nama atau sifat-sifat Allah yang sesuai dan munasabah dengan permohonannya seperti jika hendak memohon rezeki maka hendaklah menyeru: “Ya Razzaq!, berilah aku rezeki!, Ya Maha pengampun, ampunilah segala dosaku!”

Jenis *tawassul* keempat yang disepakati oleh para ulama Islam ialah *bertawassul* dengan memohon kepada orang-orang soleh yang masih hidup agar mendoakan kepada Allah untuknya atau Muslim-muslim yang lain. Maka, *bertawassul* melalui doa orang yang masih hidup seperti ini telah diizinkan oleh syarak kerana terdapat dalil-dalil yang membolehkannya sebagaimana Allah berfirman, maksudnya;

“Mereka berkata: 'Wahai ayah kami! Pohonkanlah ampun bagi kami, sesungguhnya kami adalah orang-orang yang bersalah'. Nabi Ya'qub berkata: 'Aku akan memintakan ampunan bagimu dari Tuhanku. Sesungguhnya Dia Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.'” (Yūsus :97-98)

Selain itu, ia turut dilakukan oleh Rasulullah SAW sewaktu Umar ibn al-Khattab meminta izin kepada Baginda untuk mengerjakan umrah. Lalu, Baginda berpesan kepadanya yang bermaksudnya:

“Wahai saudaraku, kongsi kanlah kami didalam doamu dan jangan lupakan kami.” (Hadis riwayat al-Tirmizi)

Maka, keempat-empat bentuk *tawassul* tersebut adalah *tawassul* yang dibenarkan oleh syariat dan tiada keraguan lagi buat umat Islam untuk mengamalkannya dalam doa-doa mereka.

### ***Tawassul yang Haram***

*Tawassul* yang haram ialah *tawassul* yang tidak disyariatkan, yang mana ia menggunakan perantara yang tiada dalil atau dasar dalam Islam. Pada lazimnya, kaedah *tawassul* ini lebih menjurus kepada penggunaan binatang atau apa sahaja yang boleh membawa kepada syirik. Ia dilakukan dengan menggunakan burung sebagaimana yang dilakukan oleh para tukang tilik untuk menentukan nasib dan sebagainya. Selain itu, terdapat juga orang Islam yang menyalahi cara *bertawassul* ini dengan menggunakan kubur, batu-batuan, pokok-pokok, kayu-kayan dan yang paling hebat, ada lagi segelintir orang Islam yang percaya dan *bertawassul* dengan dewa laut, dewa angin, jin dan sebagainya lagi. Begitu juga Islam melarang keras *bertawassul* dengan barang-barang atau tempat peninggalan para nabi dan

para wali kerana semuanya itu tidak memiliki dan memberi sebarang kelebihan sama sekali.

Contohnya, seseorang pergi ke kubur seseorang yang dianggap soleh dan sembahyang di atasnya kemudian *bertawassul* kepada Allah melalui orang tersebut. Maka, ia tiada khilaf tegahannya kerana jelas larangan melakukan sembahyang di atas kubur. Dalam hal ini, Imam Abu Hanifah tidak membenarkan orang Islam bersumpah dengan Ka'bah dan Masjidil Haram. Begitu juga yang dilakukan oleh Umar bin Khattab r.a. Dirwayatkan bahawa Umar setelah menunaikan sembahyang subuh, beliau berjalan-jalan ke suatu tempat di mana banyak manusia datang ke situ. Lalu orang-orang itu berkata kepada Umar: "Rasulullah s.a.w. menunaikan sembahyang di tempat ini." Kemudian Umar berkata: "Sungguh, telah binasa orang-orang ahl-Kitab kerana mereka menjadikan bekas-bekas para nabi mereka sebagai tempat ibadah." (Daripada Syu'bah). Imam Malik juga melarang orang yang datang ke makam Rasulullah s.a.w. untuk tujuan *tawassul*. Ketika ditanya seseorang yang mendatangi kuburan Nabi, dia berkata: "Jika bermaksud ke kuburan janganlah dan jika bermaksud ke masjid maka lakukanlah." (Al-Mabsuth, Isma'il bin Ishaq).

Selain itu, *tawassul* yang diharamkan juga seperti meminta kepada Rasul atau orang soleh untuk disembuhkan atau apa sahaja permintaan seperti katanya; "Wahai Rasulullah, ampunilah dosaku, atau wahai sipolan, sembuhkanlah penyakitku". Semua jenis *tawassul* ini adalah haram sama sekali untuk dilakukan oleh umat Islam kerana ia adalah syirik yang membawa kepada kesesatan.

### ***Tawassul* yang Diperselisihkan Antara Ulama Islam**

*Tawassul* yang dipertikaikan adalah *tawassul* yang tidak disepakati oleh para ulama Islam daripada sudut keharusannya. Justeru itu, ada ulama-ulama Islam yang mengharuskannya, ada juga yang mengharamkannya, ada juga yang tidak menerimanya secara keseluruhan dan tidak juga menolaknya secara keseluruhan. Semua mereka mempunyai hujah dan dalil-dalilnya yang tersendiri. *Bertawassul* dengan Nabi SAW jika dengan makna mencari jalan kepada Allah dengan cara beriman kepada Baginda SAW dan mentaatinya atau dengan makna memohon hajat kepada Allah dengan doa dan syafaat Baginda (ketika hayatnya), maka *tawassul* sebegini adalah harus menurut ijmak para ulama. Adapun *bertawassul* dengan makna memohon kepada Allah dengan menyebutkan kemuliaan Baginda



atau para wali atau para ahli soleh yang lain, maka ia *diikhtilafkan* di kalangan para ulama.

Menurut al-Qardhawi (2006), sebenarnya ulama empat mazhab dan kebanyakan ulama lain telah mengharuskan *bertawassul* dengan Rasulullah SAW dan orang-orang soleh. Imam Ahmad bin Hanbal r.a. dan Imam Izzuddin Ibnu Abdissalam mengharuskan *bertawassul* kepada Rasulullah SAW sahaja, namun, dengan orang lain (termasuk para sahabat, wali-wali Allah dan sebagainya) adalah tidak harus (Al-Albani 1977). Dalam hal ini, al-Qardhawi (2006) berpendapat bahawa golongan ini membenarkan *tawassul* kepada Rasulullah SAW sahaja kerana mereka percaya bahawa Rasulullah SAW telah dijamin sebagai ahli syurga dan direndhai Allah SWT, sedangkan orang-orang soleh yang lain belum pasti direndhai oleh Allah SWT. Maka, beliau menolak qiyas ini dan menganggapnya tidak tepat kerana mereka menghukum tentang sesuatu perkara yang ghaib. Manakala Imam Shawkani mengharuskan *bertawassul* dengan Rasulullah SAW, para nabi lain dan orang-orang soleh (Al-Albani 1977). Maka, al-Qardhawi (2006) menyatakan pula bahawa seseorang Muslim yang *bertawassul* kepada orang-orang yang soleh kerana husnuzon (bersangka baik) mereka terhadap Allah SWT dan para solihin agar mudah-mudahan Allah SWT merendhai mereka. Syeikh Ali Jum'ah (Mufti *al-Diyar al-Misriyya*) juga sealiran dengan pendapat al-Qardhawi dan mengatakan bahawa semua empat mazhab bersetuju atas keharusan *tawassul* (*jawaz*) dengan Nabi SAW bahkan digalakkan (*istihbab*), serta ianya tidak membezakan di antara semasa hidup Baginda SAW atau selepas kewafatannya.

Semua pendapat tersebut berbeza dengan Ibn Taymiyyah (1970) yang menolak *bertawassul* dengan makhluk sama ada dengan Rasulullah atau yang lain. Ini kerana Ibn Taymiyyah melihat konsep *tawassul* tersebut sama dengan konsep sumpah yang mana adalah haram untuk bersumpah selain daripada Allah. Maka, konsep sumpah itu diqiaskan dengan konsep *tawassul* dan hasilnya beliau melihat kedua-duanya adalah haram untuk diamalkan.

Secara mudahnya, *tawassul* melalui Rasulullah SAW dan orang-orang soleh dalam berdoa telah mengundang perselisihan yang agak hebat di kalangan para ulama Islam kerana setiap daripada mereka didokong oleh dalil-dalil dan hujah-hujah yang berbeza untuk menyokong pendapat dan kepercayaan mereka itu.

### **Hujah Golongan Ulama Islam yang Membolehkan *Tawassul***

Bagi golongan yang mengharuskan *bertawassul* dengan Nabi sama ada semasa Baginda hidup atau wafat, mereka telah mengemukakan beberapa dalil daripada hadis-hadis Nabi SAW sebagaimana berikut:

“Seorang buta bertemu Rasulullah SAW lalu meminta agar Rasulullah s.a.w. berdoa kepada Allah supaya Allah menyembuhkannya. Rasulullah SAW kemudiannya mengajarkannya tentang suatu amalan, agar Allah SWT memperkenankan hajatnya.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Ambillah wuduk dan perelokannya, kemudian solat dua rakaat. Setelah itu, berdoalah dengan doa ini: "Wahai Tuhanku, aku berdoa meminta kepadaMu dengan Nabimu, Nabi rahmat, wahai Muhammad, aku mengadap TuhanKu dengan (perantaraan) mu, dalam meminta hajatku, maka perkenankanlah hajatku..." Setelah lelaki buta itu berdoa dengan doa itu, Allah SWT menyembuhkan penyakitnya. (Hadis ini riwayat Ahmad, An-Nasa'i, Ibn Majah dan Ibn Huzaimah).

Mereka menegaskan bahawa hadis tersebut menunjukkan secara jelas, tentang kebolehan atau keharusan berdoa kepada Allah SWT dengan *bertawassul* kepada Rasulullah SAW secara mutlak, tanpa terbatas dengan kehidupan Baginda s.a.w. semata-mata, tidak kira sama ada ketika Baginda SAW hidup ataupun setelah Baginda SAW wafat. Selain itu, terdapat dalil lain iaitu *tawassul* Adam dengan Rasulullah SAW. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Takkala Nabi Adam A.S melakukan kesilapan, beliau berkata: : "Wahai Allah, dengan hak Muhammad, ampunkanlah aku." Allah SWT berfirman: " Wahai Adam, bagaimana engkau mengenali Muhammad, sedangkan aku belum menciptakannya lagi? Nabi Adam A.S menjawab, takkala engkau menciptakan aku dengan tanganMu (kekuasaanMu), dan meniupkan ke dalamku rohMu, aku mengangkatkan kepalaku lantas terlihat di arasy ada tertulis, "Tiada Tuhan selain Allah, Muhammad ialah Rasulullah". Maka, aku tahu, engkau tidak akan meletakkan suatu nama beriringan dengan namaMu, melainkan engkau teramat mencintainya." Allah s.w.t. berfirman: "Benar wahai Adam. Dia (Muhammad) sangat kucintai. Berdoalah dengan haknya sesungguhnya aku telah mengampunimu. Ketahuilah bahawasanya, kalau tidak kerananya (Rasulullah SAW) nescaya aku tidak menciptamu.” (Hadis riwayat Al-Hakim, As-Suyuti dan Al-Baihaqi).

Majoriti golongan ulama Islam ini juga mengharuskan *bertawassul* kepada para solihin dan para wali Allah, selain daripada *bertawassul* dengan Rasulullah s.a.w. Terdapat dalil tentang keharusan

*bertawassul* dengan manusia lain selain daripada Rasulullah SAW. Hal ini seperti yang dijelaskan di dalam hadis sahih al-Bukhari r.a.:

“Saidina Umar pernah berdoa meminta hujan kepada Allah SWT dengan menyebut "Wahai Tuhan kami, kami pernah *bertawassul* (meminta hujan) dengan (perantaraan) Nabimu, maka Engkau menurunkan hujan, kini, kami *bertawassul* dengan bapa saudara Nabimu (Al-Abbas), maka turunkanlah hujan kepada kami".

Hadis ini dikatakan jelas menunjukkan bahawa keharusan berdoa dengan Rasulullah, bapa saudara Nabi dan juga orang-orang soleh lain (Udah 1998). Menurut sesetengah ulama Islam, sebenarnya Saidina Umar r.a. tidak *bertawassul* kepada Allah dengan Rasulullah SAW untuk meminta hujan dalam hadis tersebut kerana beliau ingin menunjukkan bahawa sesiapa sahaja boleh *bertawassul* dengan orang lain selain daripada Rasulullah SAW. Selain itu, beliau juga tidak *bertawassul* dengan Rasulullah SAW dalam perkara meminta hujan kerana hujan merupakan rahmat dan keperluan untuk makhluk yang masih hidup, bukan bagi yang telah tiada. Maka, Saidina Umar dikatakan *bertawassul* dengan al-Abbas kerana beliau masih lagi hidup, dan sangat memerlukan kepada air pada musim kemarau tersebut. Jadi kefahaman Saidina Umar r.a. dalam situasi tersebut yang sangat jelas, telah menyebabkan beliau *bertawassul* kepada Allah s.w.t. dengan kedudukan al-Abbas di sisi Allah SWT.

Dalil yang lain tentang keharusan *bertawassul* dengan orang-orang soleh ialah seperti yang diriwayatkan oleh Ibn Majah r.a. tentang doa sewaktu keluar dari rumah menuju solat iaitu:

"Wahai Tuhanku, aku meminta kepadaMu, dengan hak orang-orang yang berjalan (di atas jalan) menjummu, dengan hak orang yang berjalan ini... maka jauhilah kami dari azab neraka..." (Hadis riwayat Ibn Majah)

Selain hadis-hadis tersebut, golongan yang membenarkan *tawassul* seperti itu juga telah mengemukakan *athar* sahabat, antaranya:

“Telah berlaku kemarau yang teruk pada zaman Umar r.a. Lalu seorang lelaki pergi ke kubur Nabi SAW lalu ia berkata; Wahai Rasulullah! Mohonlah hujan (dari Tuhanmu) untuk umatmu kerana sesungguhnya mereka telah mengalami kemusnahan (kerana kemarau). Pada malamnya, lelaki itu bermimpi Rasulullah datang kepadanya dan berkata; Pergilah kepada Umar, sampaikan salamku kepadanya dan khabarkan kepadanya bahawa mereka akan dikurniakan hujan (oleh Allah).” ( Ibn Hajar 1986)

Menurut Ibn Hajar (1986), lelaki tersebut bernama Bilal bin al-Harith al-Muzani dan beliau merupakan seorang sahabat. Peristiwa di atas berlaku pada zaman Saidina Umar dan tidak ada seorang pun di kalangan para sahabat yang mengingkarinya. Berdasarkan hadis-hadis tersebut, jelaslah

bahawa berdoa kepada Allah dengan *bertawassul* kepada Rasulullah SAW dan para solihin dibenarkan di dalam Islam. Di samping itu, golongan yang mengharuskannya juga menegaskan bahawa mereka sememangnya tahu bahawa *tawassul* tersebut bukanlah jalan wajib untuk Allah menerima sesuatu doa. Ia tidak dapat dinafikan bahawa Allah SWT mampu menunaikan sebarang hajat manusia tanpa *tawassul*. Doa seseorang Muslim akan sampai kepada Allah sama ada dia *bertawassul* atau tidak selagimana dia ikhlas dan menyerahkan segalanya pada Allah. Ini bermakna *tawassul* tidak pernah menjadi cara untuk mewajibkan Allah menunaikan hajat dan permintaan seseorang Muslim. Namun begitu, *tawassul* tersebut diyakini hanyalah sekadar kaedah dan adab berdoa dengan menjadikan kedudukan seseorang di sisi Allah SWT supaya Allah menerima hajat dan doa mereka. Ia bukanlah sempadan antara manusia dengan Tuhan dan bukanlah perantaraan dalam pengabdian manusia kepada Tuhan.

### **Hujah-hujah Golongan Ulama Islam yang Tidak Mengharuskannya**

Bagi golongan ulama yang menolak *tawassul* yang diperselisihkan ini iaitu *tawassul* pada kemuliaan Rasulullah, para anbiya, para wali atau sesiapa sahaja orang soleh, mereka berpegang kepada konsep bahawa *tawassul* dengan zat dan peribadi seseorang adalah amalan yang tidak disyariatkan kerana tidak pernah diperintah oleh Allah atau disampaikan oleh Rasulullah SAW. Bagi mereka, tidak ada satu dalil pun daripada Qur'an atau hadis Nabi yang mengizinkan untuk melakukan perbuatan sebegini. Justeru itu, mereka menggunakan dalil Saidina Umar al-Khattab yang *bertawassul* dengan Ibn Abbas setelah kewafatan Rasulullah SAW dalam memohon hujan kepada Allah SWT. Keadaan tersebut bagi mereka adalah petanda baik daripada Saidina Umar bahawa umat Islam perlu memohon melalui orang yang hidup dan bukanlah Nabi yang telah wafat (Ibn Taymiyyah 1970). Kemudian, mereka mengutarakan bahawa dalam hadis-hadis yang berkaitan dengan hujan, tidak ada satu pun hadis menerangkan para sahabat berdoa kepada Allah dengan berkata: “Ya Allah, dengan NabiMu Muhammad dan ketinggian di sisi Engkau, turunkanlah hujan kepada kami”. Tetapi apa yang mereka lakukan ialah mereka datang menemui Nabi dan meminta kepada Nabi supaya berdoa kepada Allah supaya diturunkan hujan. Oleh itu, mereka yakin bahawa maksud perkataan Saidina Umar tentang ‘kami *bertawassul* kepada Engkau dengan NabiMu’ ialah dengan doa NabiMu. Manakala maksud ‘kami *bertawassul* kepada Engkau dengan bapa saudara Nabi’ ialah dengan doa bapa saudara

Nabi sahaja (Al-Albani 1977). Maka, mereka meyakini bahawa berpalingnya Umar r.a. daripada *bertawassul* dengan Nabi s.a.w kepada bapa saudaranya Ibn Abbas r.a. selepas wafatnya Nabi Muhammad merupakan dalil yang kukuh untuk menyatakan bahawa *bertawassul* dengan Nabi SAW selepas kewafatan Baginda adalah tidak diharuskan dilakukan.

Begitu juga dengan Ibn Taimiyyah (1970) yang menolak *tawassul* seperti ini kerana beliau berpendapat bahawa *tawassul* mempunyai tiga cara sahaja iaitu *bertawassul* kepada Allah dengan cara beriman kepada Rasulullah s.a.w. dan mentaati Baginda, *bertawassul* dengan doa dan syafaat Baginda (kedua-dua bentuk *tawassul* ini telah disepakati keahusannya oleh ijmak ulama) dan ketiga *tawassul* dengan makna bersumpah kepada Allah dengan zat Rasulullah SAW atau memohon kepada Allah dengan zat Baginda (ia dikatakan tidak pernah dilakukan oleh para sahabat sama ada ketika Baginda masih hidup atau setelah Baginda mati, sama ada di sisi kubur Baginda atau di sisi kubur orang lain). Manakala dalam ruangan yang lain, beliau amat tegas dengan mengatakan bahawa *tawassul* dengan diri Rasulullah SAW sama ada Baginda ada bersama-sama atau tidak, sama ada Baginda masih hidup atau setelah wafat, hukumnya samalah dengan bersumpah dengan diri Baginda dan bersumpah dengan diri para anbiya. Ini bermakna, Ibn Taimiyyah melarang keras sebarang *tawassul* dengan makhluk sama ada kepada Rasulullah ataupun yang lain.

Di samping itu, golongan ulama Islam menolak keharusan *bertawassul* dengan para nabi dan orang-orang soleh kerana kebanyakan hadis yang dikemukakan oleh golongan ulama Islam yang mengharuskannya adalah *daif* dan *mawdu* seperti hadis riwayat Ibn Majah tentang doa sewaktu keluar dari rumah menuju solat dan hadis yang diriwayatkan oleh Umar tentang kesalahan yang dilakukan oleh Nabi Adam di mana Baginda memohon keampunan kepada Allah dengan *berwasilahkan* Nabi Muhammad SAW. Semua kecacatan pada dalil-dalil tersebut dilihat sebagai bukti yang kukuh bahawa *bertawassul* dengan para nabi dan orang-orang soleh adalah tidak harus diamalkan oleh sesiapa sahaja.

## KESIMPULAN

Dalam Islam, konsep *tawassul* (*wasilah al-syar'iyah*) pada hakikatnya telah diperakui dan diamalkan oleh nabi-nabi, salaf al-soleh, para wali, para sufi dan ulama-ulama Islam yang lain. Ia mempunyai asas dan dasar yang kukuh dalam Qur'an dan Hadis. Maka, ia bukanlah bidaah yang membawa kepada syirik dan tidak bercanggah dengan akidah Islam. Namun, *tawassul* (yang *dikhilafkan*) perlulah difahami dengan sebaik-baiknya supaya amalan itu tidak tergelincir kepada syirik kerana seseorang Muslim itu mungkin terpedaya atau menyangka kekuasaan para wali itu atau orang soleh itu melebihi kekuasaan Allah Taala atau sebagainya.

Dalam Islam, terdapat tiga kedudukan *tawassul* iaitu *tawassul* yang disyariatkan, *tawassul* yang haram dan *tawassul* yang diperselisihkan. *Tawassul* yang disyariatkan adalah *tawassul* yang mempunyai dalil-dalil yang nyata dan kukuh daripada Qur'an dan Hadis. Kaedah berdo'a pada Allah dengan *bertawassul* melalui keimanan kepada Allah dan Rasul serta patuh perintahNya, melalui nama-nama atau sifat-sifat Allah Yang Maha Agung dan Sempurna serta amal-amal soleh yang disempurnakan adalah pendekatan yang terbaik dalam memohon sesuatu daripada Allah. Begitu juga dengan meminta orang-orang soleh untuk mendoakan kepada Allah untuknya adalah dibenarkan dalam Islam. Manakala *tawassul* dengan binatang, pokok-pokok, kubur-kubur orang mati atau barang peninggalan orang soleh adalah haram di sisi Islam kerana ia sangat bercanggah dengan akidah Islam. Kemudian, *tawassul* dengan nabi-nabi atau para wali atau orang-orang soleh lain adalah *tawassul* yang diperselisihkan oleh para ulama Islam. Bagi golongan ulama Islam yang menyatakan ia dibolehkan dalam berdo'a kepada Allah, mereka mempunyai hujah-hujah yang tersendiri bagi menyokong keharusannya. Begitu juga dengan para ulama Islam yang menolaknya, mereka juga mempunyai hujah-hujah yang tersendiri dalam mempertahankan pendapat mereka.

Setelah meneliti kepada dalil-dalil dan hujah-hujah golongan yang mengharuskan dan golongan yang tidak mengharuskan *bertawassul* dengan para nabi atau orang-orang soleh, dapat disimpulkan bahawa setiap Muslim perlu memahami terlebih dahulu hakikat konsep *tawassul* dalam Islam sebelum mengamalkannya dalam doa harian. Sememangnya golongan ulama Islam yang mengharuskannya ini amat memahami konsep *tawassul* ini sehinggakan mereka yakin bahawa Allah sahajalah yang berhak memberi dan menolak doa hambaNya, dan mereka sesekali tidak memohon kepada selain Allah. Namun, apa yang dibimbangi ialah umat Islam yang kurang memahami ajaran agama atau kurang arif tentang

konsep *tawassul* dalam Islam tetapi mereka suka mengamalkan *tawassul* dalam doa-doa mereka. Hal ini menimbulkan kebimbangan kerana ia boleh menjerumuskan diri mereka kepada syirik. Justeru itu, bagi mereka yang kurang arif tentang konsep *tawassul* ini, mereka dinasihatkan untuk tidak *bertawassul* langsung dalam doa-doa mereka. Di samping itu, bagi mereka yang tidak ingin atau menolak *tawassul* melalui Nabi dan orang-orang soleh, mereka haruslah menghormati ulama-ulama Islam yang berpegang bahawa *tawassul* dibolehkan dalam berdoa dan begitu juga dengan umat Islam yang mengamalkan *tawassul* seperti itu kerana mereka tentunya mempunyai dalil dan landasan yang cukup kuat daripada Qur'an dan Hadis, serta tidak menuduh mereka mengamalkan sesuatu amalan yang bidaah dan sesat. Jelasnya, yang diminta dalam *bertawassul* ialah Allah yang Maha Esa tanpa ada yang menyekutuiNya bukan kepada Nabi, wali dan kepada orang-orang yang soleh atau mati.

Apa yang paling penting, konsep *tawassul* merupakan satu khazanah amalan warisan Islam yang diamalkan sejak sekian lama oleh para ulama dan umat Islam kerana ia mempunyai asas daripada Qur'an dan Sunnah. Ia muncul daripada pemikiran Islam yang sederhana (*wasatiyy*) setelah memahami Qur'an dan Sunnah secara mendalam berasaskan akal yang waras dan fikiran yang luas.

## RUJUKAN

- Al-Albani, Mohd. Nasiruddin. 1977. *Al-Tawassul wa Anwā'uhu wa Ahkāmuhu*. Lubnan:Beirut.
- Al-'Asqalani, Ahmad Ibn 'Ali Ibn Hajar. 1986. *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*. Kaherah: Dar al-Matba'ah as-Salafiyyah.
- Ibn Faris, Abu al-Husain Ahmad. 1979. *Mu'jam Maqayis al-Lughah*. t.t: Darul Fikir.
- Ibn Kathir, Imam Hafiz Abu al-Fida' Ismail. 1993. *Tafsir al-Qur'an al- 'Azim*. Kaherah: Dar al-Hadis.
- Makhluf, Hasanain Muhammad. 1995. *Kalimat al-Quran :Tafsir wa Bayan*. Arab Saudi: Hai'ah al-Ighthah al-Islāmiyyah.
- Al-Qaradhawi, Yusuf. 2006. *Fusul fi Al-Aqidah baina As-Salaf wa Al-Khalaf*. Terj. Arif Munanda Riswonto. Indonesia: Pustaka al-Kauthar.

Ibn Taimiyyah. 1970. *Qa'idah Jalilah fi al-Tawassul wa al-Wasilah*. Beirut: Dar al-Arabiyyah.

Udah Mohsin.1998. Tawassul: antara yang disyariatkan dan yang dipertikaikan. *Jurnal Islamiyyat*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.